

Norihan Binti Anah

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, December 28, 2017 10:41 AM
To: UUM - All Staff; Staf - Pesara UUM
Subject: Malam Sekalung Budi Rai Pesara



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

28 DISEMBER 2017 / 09 RABIULAKHIR 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

MALAM SEKALUNG BUDI RAI PESARA



UUM ONLINE: “Try your best, never give up, treasure what you have been given”

Demikian kata bekas pensyarah UUM, Prof. Madya Dr. Thi Lip Sam, 61 yang merupakan salah seorang daripada pesara yang diraikan pada Majlis Malam Sekalung Budi, di EDC Hotels & Resort, malam tadi.

Berpengalaman lebih 38 tahun di sektor kerajaan, beliau pernah menjadi guru sekolah dan berkhidmat di Kementerian Pelajaran sebelum berhijrah ke UUM di Sekolah Pengurusan pada tahun 2000 sebagai pensyarah dalam Sistem Maklumat Pengurusan.

“Masuk UUM adalah kenangan paling manis kerana cita-cita saya memang minat mengajar di universiti,” luah anak jati Seremban, Negeri Sembilan yang gemar membaca dan melancong.

Beliau menyifatkan UUM satu tempat kerja yang kondusif bukan sahaja untuk bekerja malah belajar ilmu dan kemahiran dalam pelbagai bidang dengan menampilkan ilmuan yang terbaik.

Bercerita tentang pengalamannya, sebagai seorang pendidik beliau berdepan dengan banyak cabaran terutamanya mendepani generasi muda yang berada di era teknologi

“Mereka terdedah dengan internet dan banyak dipengaruhi internet jadi, kita kena pandai adapt, tak boleh ikut cara kita dan perlu ambil tahu perkembangan semasa agar tidak berlaku jurang yang terlalu besar.

Tambahnya, untuk memastikan kita tidak ketinggalan penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) perlu diperkasakan dalam menghadapi arus perdana masa kini.

“Dulu UUM tidak ada ranking tetapi dengan usaha bersepadu kita tersenarai pada kedudukan yang membanggakan justeru untuk menjadi universiti terkemuka memerlukan kerjasama semua pihak.

“Saya berharap UUM terus maju pada masa depan dan dapat masuk ranking terbaik dunia,” pesannya.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dato’ Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, majlis ini dianjurkan khas untuk meraikan staf yang telah mencurahkan khidmat bakti hingga ke saat persaraan daripada perkhidmatan sepanjang tahun 2017.

Ujarnya, sejak ditubuhkan pada 16 Februari 1984 hinggalah ke hari ini dalam tempoh yang panjang mencecah lebih daripada tiga dekad seramai 354 staf telah bersara.

“Jumlah yang bersara pada tahun ini agak ramai, kira-kira 40 orang dan daripada jumlah itu 19 orang bersara wajib dan 17 orang bersara pilihan selain 4 orang telah kembali ke rahmatullah.

“Majlis yang diadakan ini sebagai tanda penghargaan dan ucapan terima kasih UUM kepada tuan puan yang begitu gigih menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dan khidmat bakti yang dicurahkan selama bertahun-tahun di UUM akan sentiasa dikenang,” ucapnya.

DARIPADA:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

04-928 3048/3049/3052/3061

04-928 3053

ukkuum@uum.edu.my

Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.